

TARIKH : 3 JUN 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 23
SURAT

Tinjauan fiskal Malaysia semakin mencabar tahun ini

Bisnes

Selasa
3 Jun 2025
01biz@nstp.com.my

Ikuti lebih berita di www.bharian.com.my

Tinjauan fiskal Malaysia semakin mencabar tahun ini

Pertumbuhan lebih perlahan, kutipan cukai sederhana antara faktor unjuran disemak semula

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia dijangka berdepan cabaran fiskal lebih ketara pada 2025, dipicu pertumbuhan ekonomi lebih perlahan daripada jangkaan, kutipan cukai yang sederhana serta kelewatan dalam pelaksanaan pembaharuan struktur utama, menurut penganalisis.

Meskipun defisit fiskal berjaya dikurangkan kepada 4.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2024, mengatasi sasaran rasmi 4.3 peratus, terdapat risiko ia melebar melebihi jangkaan 3.8 peratus bagi tahun depan.

Penganalisis TA Securities, Shazma Juliana Abu Bakar, berkata pihaknya telah menyemak semula unjuran defisit fiskal bagi 2025 kepada RM80.4 bilion atau 4.1 peratus daripada KDNK berbanding unjuran terdahulu 3.8 peratus.

Walaupun berlaku semakan menaik, beliau menjelaskan defisit yang diunjurkan itu masih lebih baik berbanding 4.1 peratus pada 2024 dan merupakan nisbah terendah sejak 2019.

"Defisit fiskal 4 peratus daripada KDNK pada 2025 dijangka sedikit melebihi sasaran rasmi 3.8 peratus, namun dijangka tidak mencetuskan penurunan penarafan kredit serta-merta oleh agensi penarafan utama, asalkan kerajaan kekal komited terhadap pengukuhan fiskal," katanya dalam nota penyelidikan.

Shazma Juliana berkata, pada awal Mei lalu, Moody's mengekalkan penarafan A3 untuk Malaysia, namun menegaskan risiko utama terhadap prospek kredit kerajaan berpunca daripada potensi kejutan tarif, terutama dari Amerika Syarikat (AS) yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi dan melambatkan pembetulan fiskal.

Bagaimanapun, katanya, Moody's turut mengiktiraf kestabilan politik di bawah pentadbiran semasa yang menyokong pelaksanaan reformasi ekonomi dan institusi secara berterusan, sekali gus menyedilkan asas yang lebih kukuh untuk pengukuhan fiskal dalam jangka sederhana.

Sementara itu, Kenanga Research menjangkakan defisit fiskal sekitar 4.1 peratus daripada KDNK pada 2025, selaras semakan semula unjuran pertumbuhan KDNK kepada 4.3 peratus daripada 4.8 peratus sebelum ini.

Risiko penurunan harga minyak

Firma itu berkata, semakan semula dibuat susulan risiko penurunan seperti harga minyak global yang lebih rendah, kemungkinan kelewatan dalam reformasi subsidi serta ketidakpastian luaran yang berterusan ekoran dasar tarif AS.

"Tinjauan kredit Malaysia dijangka bertambah baik dalam tempoh sederhana antara 2026 dan 2027, sekiranya disiplin fiskal diperkukuh, reformasi struktur diteruskan dan asas ekonomi diperkuat," menurutnya, sambil memetik penilaian positif daripada Fitch (BBB+), S&P (A-) dan Moody's (A3).

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid pula tidak menolak kemungkinan penurunan harga minyak mentah global memberi kesan langsung kepada keupayaan kerajaan mencapai sasaran defisit fiskal.

Beliau berkata, purata harga minyak mentah Brent dari Januari hingga Mei 2025 ialah AS\$71 satu tong, manakala harga semasa berada sekitar AS\$63.90 satu tong, jauh lebih rendah daripada unjuran purata AS\$80 satu tong bagi tempoh Rangka Kerja Fiskal Jangka Sederhana (MTFF) 2025-2027.

"Hasil baki kalkan minyak dan gas seperti cukai petroleum, duti eksport petroleum, royalti serta pulangan pelaburan menyumbang sekitar 18 peratus daripada jumlah hasil kerajaan; hampir satu per lima. Penurunan harga semasa sudah pasti akan memberi kesan kepada unjuran fiskal," katanya.

Justeru, katanya, semakan semula terhadap sasaran belanjawan negara adalah langkah pragmatik yang menunjukkan kerajaan berpijak di bumi nyata dalam menguruskan kewangan negara.

Tambahnya, pendekatan serupa turut diambil oleh sektor swasta apabila berdepan ketidakpastian ekonomi, iaitu dengan menilai semula keutamaan dan mengoptimalkan penggunaan sumber.

Beliau turut mengingatkan kejutan tarif berpotensi memberi kesan langsung terhadap eksport, khususnya akibat penguncupan permintaan dari AS dan pasaran global.

"Justeru, kerajaan boleh mempertimbangkan bantuan bersifat cukai kepada pengeksport yang terkesan, sementara usaha untuk mempelbagaikan pasaran luar negara giat dijalankan.

"Secara keseluruhannya, pengurusan fiskal perlu bersifat fleksibel dan telus. Setiap perubahan perlu dikomunikasikan secara menyeluruh supaya mesej jelas disampaikan kepada semua pihak berkepentingan," katanya.

Usaha berterusan kerajaan dalam menurunkan kadar defisit juga membuahkan hasil, apabila ia berkurangan daripada 5.5 peratus pada 2022 kepada 5 peratus (2023) dan seterusnya 4.3 peratus pada 2024.

Shazma Juliana Abu Bakar,
Penganalisis TA Securities

